

28 DEC 1998

Sakaran-Pelantikan (bergambar)

SAKARAN TERIMA SURATCARA PELANTIKAN MENYAMBUNG PENGGAL PERKHIDMATAN

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengurniakan suratcara pelantikan kepada Tun Sakaran Dandai bagi menyambung penggal perkhidmatannya sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah.

Tempoh perkhidmatan Sakaran dilanjutkan untuk sepenggal empat tahun lagi, berkuatkuasa 1 Jan depan.

Majlis berlangsung di Istana Negara. Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Sakaran, 68, dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri pada 1 Jan 1995 dan beliau merupakan ketua negeri yang ke-8. Tempoh perkhidmatannya sekarang dijangka berakhir bulan ini.

Sebelum dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri, Sakaran pernah memegang jawatan Ketua Menteri selama sembilan bulan, selepas Barisan Nasional (BN) membentuk kerajaan pada awal 1994.

Beliau dilahirkan pada 15 April 1930 di Semporna, sebuah daerah di Pantai Timur Sabah, dan mendapat pendidikan agama Islam dari 1945 hingga 1948 serta tamat sekolah Melayu pada 1948 juga.

Sakaran merupakan satu-satunya tokoh politik Sabah yang pernah memenangi kawasan dewan undangan negeri Sulabayan dalam tujuh pilihan raya negeri berturut-turut.

Selain menjadi Ketua Menteri, beliau pernah menyandang jawatan di peringkat negeri dan persekutuan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Beliau dianugerahkan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Darjah Seri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran "Tun" daripada Tuanku Ja'afar pada 12 Jun 1996.

-- BERNAMA

WNZ RON